MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Daya tahan sistem kewangan kekal utuh dalam keadaan pasaran kewangan dan komoditi yang terus tidak menentu pada suku itu. Aktiviti pengantaraan kewangan disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan mudah tunai domestik yang lebih daripada mencukupi. Kestabilan sistem kewangan domestik dijangka berterusan dan keadaan ini akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan.

Dedahan risiko kredit kekal terurus disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh peminjam

Dedahan risiko kredit oleh bank-bank secara amnya stabil pada suku pertama, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh sebahagian besar peminjam. Pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan menurun sedikit kepada 2.4% (S4 2014: 2.5%) daripada jumlah pinjaman. Pinjaman terjejas bersih tidak berubah pada 1.2% sebagai peratusan pinjaman bersih. Dalam industri insurans, dedahan kredit, sebahagian besarnya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta, kekal stabil pada 3.9% daripada jumlah modal asas (S4 2014: 3.9%).

Dedahan risiko kredit kepada sektor isi rumah terus dibendung dengan baik. Peningkatan peminjaman isi rumah terus perlahan kepada 2.0% pada suku pertama (S4 2014: 2.3%) disebabkan oleh pertumbuhan suku tahunan yang mendatar bagi pembiayaan peribadi (S1 2015: 0.1%; S4 2014: 1.2%) dan pertumbuhan suku tahunan bagi pembiayaan rumah yang sederhana sebanyak 2.8% (S4 2014: 3.0%). Prestasi KLCI yang bertambah baik merupakan pendorong utama peningkatan agregat aset kewangan isi rumah (S1 2015: +2.7%, S4 2014: +1.3%). Pada akhir suku pertama 2015, aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang. Nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak bagi sistem perbankan terus berada pada paras yang rendah iaitu masing-masing 1.1% dan 1.5% daripada jumlah peminjaman isi rumah. Ini disokong selanjutnya oleh kehematan berterusan dalam piawaian pengunderaitan bank apabila kira-kira 80% daripada pinjaman baharu diberikan kepada peminjam yang mempunyai agregat nisbah khidmat bayaran hutang (debt service ratio, DSR) di bawah 60%.

Potensi kerugian kredit daripada dedahan bank kepada sektor perniagaan kekal terurus disebabkan oleh kekukuhan kewangan yang berterusan bagi kebanyakan perniagaan. Kedudukan leveraj perniagaan, seperti yang diukur oleh median untuk nisbah hutang kepada ekuiti, bertambah baik kepada 41.5% (S3 2014: 42.7%) pada akhir tahun 2014. Dari segi paras hutang, pertumbuhan jumlah peminjaman sektor perniagaan adalah lebih perlahan pada 1.2% pada akhir suku pertama 2015 (S4 2014: +2.9%). Hutang luar negeri meningkat 2.5% pada suku keempat 2014 selepas mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 4% pada suku sebelumnya. Pada asas tahunan, pertumbuhan hutang luar negeri pada akhir tahun 2014 adalah kecil pada 0.05% (2013: 22.6%). Peningkatan semula pada suku keempat ini disebabkan terutamanya oleh pendanaan antara kumpulan dan terbitan bon untuk operasi di luar negara dengan mata wang yang sepadan. Sehingga kini, perkembangan harga komoditi dan kadar pertukaran ringgit telah memberikan kesan keseluruhan yang minimum terhadap sektor perniagaan. Median untuk nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR), yang menunjukkan keupayaan membayar balik hutang, kukuh pada 6.3 kali pada suku keempat 2014, manakala nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa stabil pada 1.8 kali. Kos input yang lebih rendah (berikutan harga komoditi yang lebih rendah) dan perolehan bersamaan dengan ringgit yang lebih tinggi bagi eksport lebih daripada mengimbangi kesan buruk pembayaran import yang lebih tinggi untuk sektor yang terjejas. Meskipun ICR yang dicatat oleh pengeluar minyak dan gas dan pengeluar minyak mentah dan minyak sawit adalah lebih rendah, keupayaan membayar balik hutang oleh perniagaan dalam sektor

ini kekal melebihi dua kali. Risiko mungkir secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal tidak berubah pada 0.19%.

Dalam pasaran harta tanah, harga rumah purata mencatat pertumbuhan keseluruhan yang lebih perlahan untuk empat suku tahunan berturut-turut. Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index, MHPI) terus menjadi sederhana kepada 7.9% pada suku ketiga 2014 (S2 2014: 8.4%), mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam urus niaga harta kediaman (S3 2014: 4.3%, S2 2014: 5.3%), terutamanya dalam pasaran sekunder, merentas semua julat harga. Pertumbuhan harga rumah dijangka terus stabil pada masa hadapan, disokong oleh permintaan yang berterusan dalam pasaran utama dalam keadaan aktiviti pemasaran yang aktif oleh pemaju. Pelancaran baharu juga menunjukkan peralihan kepada harta tanah berharga kurang daripada RM1 juta. Pembelian secara spekulasi harta tanah kediaman yang didorong oleh kredit terus dibendung dengan baik. Bilangan peminjam yang mempunyai tiga atau lebih daripada tiga pinjaman perumahan terkumpul terus menjadi sederhana kepada 3.3% (S4 2014: 3%) dan mencakupi 3% daripada individu yang mempunyai pinjaman perumahan terkumpul.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan kepada risiko pasaran dibendung dengan baik

Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan meskipun ketidaktentuan yang meningkat pada suku itu. Pelaburan portfolio mencatat kedudukan aliran keluar bersih lebih rendah sebanyak RM7.9 bilion (S4 2014: aliran keluar bersih sebanyak RM20.3 bilion) untuk suku tersebut. Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan portfolio pelabur institusi domestik di luar negeri. Purata turun naik bagi FBM KLCI meningkat kepada 11.7% (S4 2014: 7.7%), manakala purata turun naik bagi kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sekali ganda kepada 13% (S4 2014: 6.7%). FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,830.8 mata pada suku pertama (S4 2014: 1,761.3 mata) seiring dengan pasaran ekuiti serantau lain berikutan jangkaan pelabur bahawa kenaikan kadar faedah AS mungkin tertangguh. Kadar hasil MGS 10 tahun menurun kepada 3.9% (S4 2014: 4.1%), mencerminkan minat berterusan oleh pelabur bukan pemastautin dalam pasaran MGS. Nisbah harga kepada pendapatan FBM KLCI secara amnya stabil pada 16.9 kali (S4 2014: 16.3 kali), disokong oleh asas-asas ekonomi negara yang kukuh. Mudah tunai dagangan, dari segi harga dan jumlah, kekal tidak berubah. Spread bida tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing tidak berubah pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan. Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI masing-masing lebih tinggi pada 14.5% dan 2.0% (S4 2014: masing-masing 10.8% dan 1.8%) mencerminkan aktiviti dagangan yang aktif oleh pelabur keinstitusian dan institusi kewangan domestik.

Dedahan risiko pasaran institusi kewangan kekal pada paras terurus, disokong oleh pengurusan risiko dan strategi perlindungan nilai yang terus aktif oleh institusi. Saiz dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan masih terbatas pada 1.4% daripada jumlah modal. Dedahan kepada risiko ekuiti

hampir tidak berubah pada 1.2% (S4 2014: 1.3%) daripada jumlah modal. Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank meningkat kepada 5.9% (S4 2014: 4.7%) daripada jumlah modal pada suku itu berikutan peningkatan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi mata wang asing. Dedahan risiko pasaran industri insurans juga masih pada tahap terurus, untuk mencakupi 12.9% daripada jumlah modal (S4 2014: 12.2%) berikutan pelaburan dalam ekuiti yang lebih tinggi ekoran pengimbangan semula portfolio. Risiko ekuiti terus merupakan sebahagian besar dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada 7.7% daripada jumlah modal.

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal Kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.5%, 13.2% dan 15.2%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi dalam bentuk perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Jumlah lebihan penampan modal bank-bank kekal melebihi RM90 bilion. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 246.5% (S4 2014: 252.1%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.1 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.1 bilion (S4 2014: RM7.8 bilion) pada suku pertama. Ini disebabkan terutamanya oleh sumbangan hasil yang lebih rendah daripada segmen pendapatan dividen. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing adalah pada 1.2% dan 12.4% (S4 2014: masing-masing 1.5% dan 15.2%). Keuntungan operasi untuk perniagaan insurans am dan takaful meningkat kepada RM806.1 juta (S4 2014: RM763.4 juta), disebabkan oleh keuntungan pengunderaitan lebih tinggi yang dicatat pada suku itu. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful meningkat kepada RM5.4 bilion (S4

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

2014: RM2.1 bilion) disebabkan keuntungan modal bersih sebanyak RM2.1 bilion (S4 2014: kerugian modal bersih sebanyak RM0.9 bilion) terutamanya daripada pelaburan dalam ekuiti.

Persaingan untuk deposit menjadi reda sedikit selepas penjelasan oleh Bank tentang peraturan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai, meskipun masih pada paras yang tinggi. Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi dengan penampan mudah tunai untuk tempoh matang 1 minggu dan 1 bulan jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum di bawah rangka kerja mudah tunai sedia ada, masing-masing pada 16.3% dan 16% daripada jumlah deposit (S4 2014: masing-masing 17.4% dan 15.8%). Di samping itu, penempatan antara bank bersih dan *reverse repo* oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dilupuskan bagi memenuhi keperluan mudah tunai, kekal melebihi RM100 bilion. Dari segi mudah tunai dolar AS, bank mencatat

lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM20 bilion dalam kelompok matang kurang daripada 1 minggu (S4 2014: lebihan sebanyak RM15 bilion) berikutan jumlah aliran keluar bersih yang lebih rendah daripada kematangan kontrak derivatif pertukaran asing boleh dibayar. Bagi kelompok matang kurang daripada 1 bulan, bank mencatat lebihan sebanyak RM2.4 bilion berbanding dengan lebihan sebanyak RM5.5 bilion pada akhir tahun 2014.

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,211	2,127	13,767	5,354
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	824	763	3,179	806
Nisbah tuntutan (%)	55.0	57.5	57.5	49.3
	Perubahan Tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-15.2	-36.4	4.4	66.7
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	11.4	-26.7	-1.4	-2.2
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-3.4	0.4	0.4	-5.7

Sumber: Bank Negara Malaysia